

PENDEKATAN KONSTRUKTIVISME DI MALAYSIA DAN BRUNEI DARUSSALAM: SATU TINJAUAN AWAL TERHADAP PENGALAMAN GURU PENDIDIKAN ISLAM

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia
tsarina@um.edu.my

Fatimah Sahida Abdurajak

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

Yusmini Md Yusoff

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

Madiha Baharuddin

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

Abstrak: Penggubalan sistem pendidikan berbentuk konstruktivisme bukanlah suatu yang baharu dalam dunia pendidikan kini, tetapi ia terlihat sukar untuk diterapkan di negara-negara Asean yang terbiasa dengan pendekatan tradisional. Pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh sistem pendidikan negara di Malaysia dan Brunei Darussalam bagi menyokong pendekatan konstruktivisme ini. Di Malaysia, telah diperkenalkan kurikulum sekolah menengah yang baharu iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Sementara di Brunei Darussalam pula, diperkenalkan Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN21). Justeru, satu tinjauan awal telah dilakukan untuk menganalisis pendekatan konstruktivisme dalam kedua-dua kurikulum pendidikan tersebut. Satu kajian berbentuk kualitatif telah diaplikasikan untuk mengenal pasti pengalaman guru Pendidikan Islam terhadap penggunaan pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran mereka. Selain daripada kaedah dokumentasi, kaedah temu bual separa berstruktur juga telah dilakukan terhadap 2 orang informan, iaitu guru novis daripada Malaysia dan guru berpengalaman daripada Brunei Darussalam. Artikel ini akan membincangkan data preliminari kajian yang dapat memberi implikasi kepada pendidik mengenai isu-isu dan cabaran dalam pelaksanaan pendekatan konstruktivisme bagi pengajaran dan pembelajaran subjek Pendidikan Islam di Malaysia dan Brunei Darussalam.

Kata kunci: Konstruktivisme, KSSM, SPN21, Guru Pendidikan Islam, Sistem Pendidikan.

Pengenalan

Rombakan sistem pendidikan di beberapa buah negara Asean merupakan satu transformasi yang kritikal, di mana kualiti pendidikan ternyata perlu dipertingkatkan dalam menempuhi cabaran globalisasi. Ini bersesuaian dengan dinamik pendidikan pada abad ini yang berhasrat untuk melahirkan generasi yang boleh berfikir secara kreatif, inovatif dan kritis. Perubahan yang digubal bertujuan untuk mempelbagaikan penyediaan pendidikan yang berkualiti dan juga pembangunan dalam sumber manusia. Produk sumber manusia daripada sistem pendidikan diharapkan dapat membawa perubahan seperti yang dihasratkan oleh kerajaan.

Situasi ini turut melibatkan dua buah negara Asean, iaitu Malaysia dan Brunei Darussalam yang telah membuat penambahbaikan sistem pendidikan bagi melahirkan generasi yang berdaya saing, boleh menyesuaikan diri dengan arus perubahan globalisasi, akan tetapi masih mengekalkan jati diri dan nilai-nilai murni (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016: xii; Kementerian Pendidikan Brunei Darussalam, 2013: 1). Kedua-dua buah negara ini komited dalam melahirkan pelajar yang holistik dan memastikan kurikulum yang digubal berperanan untuk memenuhi keperluan asas manusia, dalam memperkembangkan potensi individu meliputi sahsiah dari aspek rohani, jasmani, intelek dan moral

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016; Kementerian Pendidikan Brunei Darussalam, 2013). Berikut merupakan falsafah pendidikan bagi kedua-dua buah negara:

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.” (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016: x)

“Pendidikan kebangsaan Negara Brunei Darussalam adalah usaha yang berterusan bersumberkan ilmu naqli dan ‘aqli ke arah memperkembangkan potensi individu serta menyeluruh bagi melahirkan insan berilmu, beriman, beramal, berkepandaian, bertaqwa, amanah, bertanggungjawab serta berakhlak mulia. Segala usaha ini akan mewujudkan masyarakat yang berilmu dan berwawasan yang akan menyumbang kepada keamanan dan kemakmuran keluarga, masyarakat, negara dan sejagat serta menimbulkan suatu identiti kebangsaan berdasarkan falsafah negara Melayu Islam Beraja menurut Ahli Sunnah wal Jama’ah sebagai tapak pertumbuhan dan pengukuhan ketaatan kepada agama, raja dan Brunei Darussalam.” (Kementerian Pendidikan Brunei Darussalam, 2004: 8)

Berpandukan kepada kedua-dua falsafah pendidikan ini, motif falsafah ini sebenarnya bukan sahaja ingin membentuk kurikulum pendidikan yang sempurna seiring dengan perubahan, tetapi juga untuk membentuk pelajar sebagai seorang individu berpotensi yang masih mengekalkan orientasi sebagai warganegara yang bertanggungjawab. Tambahan lagi, falsafah pendidikan ini digunakan sebagai panduan bagi pelbagai bentuk inovasi di dalam polisi baharu yang diperkenalkan dan tidak merubah sasaran matlamatnya.

KSSM di Malaysia dan SPN21 di Brunei Darussalam

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) telah mencadangkan penggubalan kurikulum baharu selari dengan trend pembelajaran terkini yang bersandarkan kepada cabaran abad ke-21. Kurikulum tersebut ialah Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang dilaksanakan pada tahun 2017 dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Kurikulum terbaru ini merupakan kesinambungan dan penambahbaikan daripada kurikulum sebelumnya, dengan dimasukkan beberapa elemen penting. Ia juga menggantikan kelemahan dalam kurikulum lama yang terlalu berpusatkan kepada isi kandungan mata pelajaran kepada pendekatan pembelajaran dan pemudahcaraan berasaskan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). KBAT merupakan salah satu elemen yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu kemahiran berfikir. Justeru, telah dibangunkan satu gagasan untuk membolehkan pelajar berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif untuk mencapai aspirasi pelajar seperti yang dimahukan oleh negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012: 2-5). Walaupun matlamat tersebut masih belum tercapai sepenuhnya, pelbagai pendekatan telah diperkenalkan dalam melahirkan modal insan yang bijak, kreatif dan inovatif untuk memenuhi cabaran abad ke-21 supaya negara dapat bersaing di pentas dunia (Othman & Kassim, 2017; Lasiun, 2016).

Brunei Darussalam turut memperkenalkan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) pada tahun 2008, di mana ia dilaksanakan secara berperingkat dan berkuatkuasa sepenuhnya pada tahun 2009 (Kementerian Pendidikan Brunei Darussalam, 2013: 2). Kurikulum SPN21 adalah lebih responsif kepada perubahan-perubahan yang berlaku dalam dunia global dan ekonomi dan menumpukan pengajaran dan pembelajaran mengikut keperluan pelajar secara individu yang mana pelajar merupakan sasaran utama kurikulum. SPN21 ini telah diolah untuk mencapai Wawasan Brunei 2035. Di antara


matlamat wawasan tersebut dari konteks pendidikan ialah “*menjelang tahun 2035, Negara Brunei Darussalam akan dikenali di seluruh dunia sebagai negara yang memiliki rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya diukur melalui pawaian tertinggi antarabangsa*” (Kementerian Pendidikan Brunei Darussalam, 2013: 17).

Pendekatan Konstruktivisme dalam Pendidikan

Pendekatan konstruktivisme merupakan salah satu elemen yang telah diketengahkan di kebanyakan negara dalam kurikulum baharu yang digubal, yang telah merubah sistem pendidikan mereka. Ini kerana kesesuaiannya dengan zaman moden ini yang menuntut generasi supaya lebih fleksibel, berkebolehan dan mahir dalam menyesuaikan diri dengan keadaan semasa (Lee & Hannafin, 2017; ISTE, 2015).

Dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran konstruktivisme, pelajar secara tidak langsung merupakan fokus utama dalam pembelajaran dan perlu diberikan autonomi di dalam kelas. Pembelajaran yang juga dikenali sebagai pemusatan pelajar ini mengengahkan pelajar untuk bertanggungjawab dalam pembelajaran mereka, membina pengetahuan sendiri dan guru hanya berperanan sebagai pembimbing secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sehingga pelajar mahir (Lee & Hannafin, 2017; Dagar & Yadav, 2016; Hannafin *et al*, 2014; Gilakjani, Lai & Ismail, 2013; Holzer, 1994).


Konsep ini bersesuaian dengan apa yang tersirat di dalam kurikulum baharu yang diperkenalkan iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) di mana Kementerian Pendidikan Malaysia menyarankan para guru untuk menggunakan strategi pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar, bersepadu, menyeronokkan dan menekankan perkembangan berfikir dan kemahiran insaniah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016: 54). Berikut merupakan kerangka KSSM, yang menjadi asas kepada pelaksanaan kurikulum:



Rajah 1: Kerangka KSSM (Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016: 14)

Daripada kerangka KSSM di atas, kesemua elemen tersebut tertumpu kepada insan seimbang, iaitu dalam konteks ini dimaksudkan sebagai pelajar. Produk daripada kurikulum ini perlu merangkumi kesemua elemen dan adalah menjadi tanggungjawab guru yang diberikan mandat untuk melahirkan insan yang seimbang. Pendekatan, strategi, kaedah, teknik dan sebagainya semasa membuat perancangan pengajaran dan pembelajaran perlu mengambil kira elemen pembelajaran yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia agar kurikulum ini berkesan.

Landasan kurikulum di Brunei Darussalam juga menjurus kepada penglibatan aktif pelajar di dalam kelas, yang mana pelajar merupakan fokus utama dan mengambil kira perbezaan keperluan, keupayaan dan gaya pembelajaran mereka. Menurut SPN21, peranan guru berubah menjadi pemudahcara pembelajaran, pakar rujuk, pembimbing dan juga penilai (Kementerian Pendidikan Brunei Darussalam, 2013: 80). Ini bertepatan dengan pengajaran konstruktivisme yang menyatakan salah satu tugas penting untuk guru adalah membezakan, mengenal pasti dan cuba untuk memenuhi keperluan pelajar individu dalam konteks kumpulan bilik darjah (Khatib, Sarem & Hamidi, 2013). Untuk mendapatkan hasil pengajaran yang efektif, proses perancangan memainkan peranan yang penting kerana perancangan yang rapi dapat membantu guru dalam menentukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran mengikut keperluan pelajar yang berbeza.



Rajah 2: Model Kurikulum SPN21 (Kementerian Pendidikan Brunei Darussalam, 2013: 43)

Model kurikulum SPN21 ini mempamerkan elemen yang dihasratkan kerajaan Brunei Darussalam untuk mempunyai generasi yang seimbang seiring dengan evolusi trend pendidikan yang bukan sahaja memfokuskan kepada perkembangan kognitif dan perkembangan kemahiran, dan turut menekankan aspek pendidikan yang holistik yang memupuk nilai rohani, moral, sosial, budaya serta perkembangan jasmani (Kementerian Pendidikan Brunei Darussalam, 2013: 18). Di samping itu juga, pendedahan terhadap kemahiran keusahawanan dan pembelajaran sepanjang hayat turut diperkenalkan sebagai asas bagi tuntuan dan keperluan mempersiapkan diri dalam arus abad ke-21.

Secara ringkasnya, persamaan yang ketara terhadap kedua-dua kurikulum ini ialah mereka menyasarkan pelajar untuk diberi tumpuan dalam semua aspek pengajaran dan pembelajaran agar mereka berpeluang untuk memperkembangkan kemahiran mereka sebaik mungkin, dengan mengambil kira perbezaan

pelajar tersebut. Namun, terdapat sedikit perbezaan dari aspek pelaksanaan di Malaysia dan Brunei Darussalam. Malaysia mempunyai pelaksanaan kurikulum yang standard, yang perlu diikuti oleh setiap guru-guru mahupun para pentadbir, sebagai contoh, Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) (Pejabat Pendidikan Daerah Muar, 2015: 5) dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016: 39). Berlainan pula dengan pelaksanaan kurikulum di Brunei Darussalam, di mana guru-guru tidak diberikan sebarang piawai sebagaimana yang dikenalkan di Malaysia. Sebaliknya guru bebas untuk melakukan proses pengajaran dan pembelajaran secara “*Fun, Play and Learn More*” selagi mana proses tersebut berpusatkan pelajar dan melibatkan pelajar memberi respon aktif sama ada secara individu atau berkumpulan seperti yang diaspirasikan kerajaan Brunei Darussalam berdasarkan model kurikulum yang disediakan (Kementerian Pendidikan Brunei Darussalam, 2013: 79). Akan tetapi, bagi subjek Sains, terdapat satu pendekatan pedagogi khusus yang digunakan iaitu ‘*La main à la pâte*’ (LAMAP). LAMAP ini merupakan program pendidikan sains daripada Perancis yang berasaskan penyelidikan (*inquiry based*) dan berbentuk *hands-on* untuk meningkatkan minat pelajar dan mensebatikan sains dalam kehidupan mereka (Kementerian Pendidikan Brunei Darussalam, 2013: 82).

Kedudukan Subjek Pendidikan Islam dalam Sistem Pendidikan yang Terkini

Subjek Pendidikan Islam ialah subjek mandatori bagi semua pelajar yang beragama Islam di sekolah-sekolah rendah dan menengah di kedua-dua buah negara. Objektif utama subjek ini ialah untuk memberi pengetahuan asas atau ajaran asas Islam (*farḍhu ‘ain*) kepada para pelajar seperti ibadah, ‘*aqidah* (kepercayaan) dan *akhlak* (etika), serta keupayaan untuk membaca al-Quran.

Bagi memupuk nilai-nilai Islam yang teguh dalam diri pelajar muslim, Malaysia telah meletakkan subjek Pendidikan Islam sebagai mata pelajaran teras bagi menengah bawah, iaitu Tingkatan Satu hingga Tiga dan juga menengah atas, Tingkatan Empat dan Lima. Terdapat juga subjek berunsurkan Pendidikan Islam yang ditawarkan sebagai elektif Pengajian Islam bagi menengah atas seperti Bahasa Arab, Tasawwur Islam, Pendidikan Syariah Islamiah dan Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016: 22).

Manakala di Brunei Darussalam, subjek Pendidikan Islam tersebut dikenali sebagai Pengetahuan Ugama Islam (PUI) dan merupakan mata pelajaran teras yang perlu dipelajari. *Tarbiyyah Islamiyyah* pula ditawarkan bagi pelajar yang berada di dalam kelas *Special Applied Programme* (SAP), iaitu program di bawah Program Pendidikan Menengah Terapan (*Applied*) yang ditawarkan kepada Tahun 9 (Tingkatan 2) untuk menyalurkan pelajar ke Pendidikan Vokasional dan Teknikal (Kementerian Pendidikan Brunei Darussalam, 2013: 37). Bagi pelajar bukan Islam, mereka juga diberi peluang untuk mempelajari dan menduduki peperiksaan dalam subjek PUI. Tiada subjek lain dalam Pendidikan Islam kecuali Bahasa Arab yang ditawarkan sebagai elektif. Ini disebabkan pelajaran dalam bidang ugama turut diajarkan semasa persekolahan ugama di bawah kelolaan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Brunei Darussalam yang merupakan mata pelajaran wajib bagi setiap pelajar yang beragama Islam (Kementerian Pendidikan Brunei Darussalam, n.d.).

Mata pelajaran Pendidikan Islam perlu dipelajari kerana selain daripada mendedahkan pelajar dengan teori dan praktis tentang Islam, penerapan nilai dan akhlak juga penting kerana ilmu tanpa amal merupakan satu perkara yang sia-sia. Tujuan mata pelajaran Pendidikan Islam ialah untuk melahirkan individu yang beriman dan bertaqwa. Justeru, usaha dan komitmen yang padu serta semangat gigih seseorang guru amat diperlukan, lebih-lebih lagi dalam era globalisasi.

Guru Pendidikan Islam dalam Pengaplikasian Konstruktivisme

Dapatan daripada kajian lepas menunjukkan bahawa stigma guru Pendidikan Islam di rantau Asia termasuk Malaysia dan Brunei Darussalam adalah kurang kreatif dan tidak memberangsangkan dalam mengaplikasikan pendekatan konstruktivisme ataupun pemusatan pelajar (Sulaiman & Pg Hashim,

2011; Tan & Abbas, 2009; Mohd Ramlee, 2009; Zakaria, 2008; Hashim, 2007; Lubis & Aspar, 2005; Chee, 2006). Walaupun sistem pendidikan di Malaysia dan Brunei Darussalam telah mula menekankan pelaksanaan kurikulum yang menggunakan pendekatan konstruktivisme, dapatan kajian membuktikan sebaliknya (Zakaria *et al*, 2015; Mustafa & Salim, 2012). Guru Pendidikan Islam lebih selesa untuk memilih pendekatan tradisional yang berpusatkan kepada guru. Pendekatan ini hanya memerlukan perancangan pengajaran dan pembelajaran yang mudah dan kurang penglibatan pelajar (Hancock, Bray & Nason, 2002: 366).

Manakala kajian yang dilakukan semasa pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) menunjukkan bahawa sesetengah guru sekolah menengah cuba mengaplikasi pendekatan pengajaran sebagaimana yang digalakkan oleh kerajaan, namun tidak semua guru melaksanakan prinsip-prinsip integrasi dan holistik, seperti yang dikehendaki oleh KBSM (Ghafar *et al*, 2011; Ismail, 2000). Ini berkemungkinan merupakan percubaan guru untuk melaksanakan dasar kerajaan secara teori, tetapi tidak dengan menggunakan amalan secara praktis dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa guru-guru sekolah menengah mempunyai kefahaman yang jelas tentang kurikulum sekolah-sekolah menengah di Malaysia, tetapi kurang memahami bagaimana untuk mengadaptasikan pendekatan pengajaran sepertimana yang dikehendaki oleh kurikulum (Ghafar *et al*, 2011; Ismail, 2000). Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru kurang berpengetahuan mengenai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Kajian juga menunjukkan walaupun guru memahami dasar-dasar kerajaan, mereka tidak semestinya dapat mengimplementasikan sepenuhnya dasar-dasar tersebut. Didapati guru-guru masih tidak memahami dan tidak mempunyai keyakinan untuk menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran konstruktivisme dalam amalan harian mereka, tetapi sebaliknya, terus mengekalkan pendekatan berpusatkan guru iaitu pengajaran dan pembelajaran secara tradisional (Ghafar *et al*, 2011; Ismail, 2000).

Situasi ini menimbulkan tanda tanya mengenai punca sebenar guru Pendidikan Islam lebih memilih kepada pendekatan lama yang sebatian dengan diri mereka. Adakah ia berkaitan dengan tahap kefahaman guru Pendidikan Islam itu sendiri, dan adakah terdapat hubungan di antara kefahaman guru Pendidikan Islam terhadap sistem pendidikan dengan amalan pengajaran mereka. Justeru, penyelidik telah menjalankan kajian mengenai hubungan di antara sistem pendidikan terkini dan pengaplikasian pendekatan konstruktivisme di dalam kelas Pendidikan Islam.

Berikut merupakan objektif kajian:

1. Untuk mengetahui kefahaman guru Pendidikan Islam terhadap pendekatan konstruktivisme yang diperkenalkan dalam sistem pendidikan di Malaysia dan Brunei Darussalam.
2. Untuk mengenal pasti bentuk penerimaan guru Pendidikan Islam terhadap pendekatan konstruktivisme yang tersirat dalam sistem pendidikan di Malaysia dan Brunei Darussalam.
3. Untuk menganalisis bentuk cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam di Malaysia dan Brunei Darussalam.

Metodologi Kajian

Rekabentuk Kajian

Burns & Grove (2003) menggambarkan pendekatan kualitatif sebagai satu pendekatan subjektif yang sistematik digunakan untuk menggambarkan pengalaman hidup dan situasi sebenar yang bermakna. Justeru, dalam kajian ini, penyelidik menggunakan pendekatan berpusatkan manusia (*person-centered*) yang holistik dan perspektif humanistik untuk memahami pengalaman hidup manusia tanpa memberi tumpuan kepada konsep-konsep tertentu (Field & Morse, 1996). Hal ini kerana ia bertepatan dengan konteks kajian ini iaitu untuk mendalami dan mengenal pasti kefahaman guru Pendidikan Islam terhadap fahaman konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran.

Sampel Kajian

Sampel kajian ini melibatkan guru-guru Pendidikan Islam dari Malaysia dan Brunei Darussalam. Bagi tujuan artikel ini, beberapa data awal hanya melibatkan dua orang informan guru Pendidikan Islam di sekolah menengah di Malaysia dan Brunei Darussalam akan dibincangkan. Guru Pendidikan Islam daripada Malaysia merupakan seorang guru novis yang mempunyai pengalaman mengajar kurang daripada 5 tahun dan diperkenalkan bagi tujuan artikel ini sebagai GPI1. Manakala guru Pendidikan Islam daripada Brunei Darussalam pula sebagai GPI2, merupakan seorang guru berpengalaman yang mempunyai pengalaman mengajar Pendidikan Islam di sekolah lebih daripada 10 tahun. Analisis data tersebut akan membandingkan pengalaman kedua-dua guru tersebut dalam konteks fahaman pendekatan konstruktivisme mereka.

Instrumen Kajian

Selepas kajian literatur dijalankan, fasa seterusnya mengadakan temu bual separa berstruktur untuk mengemukakan beberapa soalan yang mendalam mengenai pengalaman mengajar guru pendidikan Islam di Malaysia dan Brunei Darussalam. Penyelidik telah terlebih dahulu menyediakan protokol soalan temu bual yang dibina khusus untuk mendapatkan jawapan bervariasi daripada informan. Justeru, temu bual dijalankan dengan berpandukan protokol supaya soalan yang diajukan tidak terpesong dari objektif kajian yang telah ditetapkan (Yin, 2011).

Perbincangan Hasil Awal Dapatan Kajian

Berdasarkan temu bual individu separa berstruktur, penyelidik telah mengenal pasti beberapa isu dan cabaran guru Pendidikan Islam dalam mengaplikasikan pengajaran dan pembelajaran secara konstruktivisme. Di antara isu-isu yang diperolehi ialah:

Persepsi Terhadap Sistem Pendidikan Terkini

Dapatan kajian mendapati bahawa kedua-dua informan bersetuju dengan perubahan yang dibawa oleh pihak kerajaan. Mereka didapati menyokong sepenuhnya perubahan kurikulum baharu di dalam KSSM dan SPN21 yang cuba melahirkan pelajar yang lebih celik ilmu, seimbang duniawi dan ukhrawi dan boleh menyesuaikan diri dengan evolusi dunia dari perspektif kehidupan masa akan datang.

Akan tetapi, daripada persepsi GPI2 di Brunei Darussalam, SPN21 agak kurang berkesan dari sudut *Brunei Common Assessment Tasks* (BCATs) di bawah pentaksiran kendalian sekolah yang dikenali sebagai “*SBAJL*” (*School Based Assessment for Learning*). Tujuan *SBAJL* ini untuk meningkatkan prestasi pelajar di samping membantu guru untuk memperbaiki kaedah dan aktiviti pengajaran supaya lebih berkesan (Abu Bakar, Hamzah & Tamuri, 2015).

“Saya lebih setuju kalau memakai ujian yang biasa... pasal (kerana) SPN21 ani (ini), ia lain caranya pembahagian ujian-ujianya, ambil markah dari assessment, latihan... kalau student inda (tidak) sekolah, habis lab.” (GPI2)

Menurut pandangan GPI2, pelajar dan guru dibebani dengan penekanan aktiviti pembelajaran yang berpusatkan pelajar akibat penilaian berterusan daripada *BCATs SBAJL*. Setiap guru perlu menyediakan satu fail bagi setiap pelajar dan membuat laporan mengenai penilaian tersebut selepas habis pengajaran dan pembelajaran di samping menyediakan aktiviti-aktiviti yang perlu mengaktifkan pelajar di dalam kelas. *BCATs SBAJL* merupakan salah satu daripada sistem pentaksiran yang ada di dalam SPN21.

Manakala dari perspektif kajian lapangan di Malaysia pula, didapati GPI1 dari Malaysia mengalu-alukan gagasan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang diperkenalkan menerusi KSSM. GPI1 menjelaskan bahawa proses pengajaran dan penilaian yang dilakukannya ternyata lebih berkesan apabila beliau menjalankan proses pengajaran secara ‘*hands-on*’, yang menyerapkan beberapa elemen yang ditekankan dalam PAK21 semasa berada di Universiti.

“Masa belajar dulu ada (praktikal)... kita pameran hasil kerja kita, buat dalam kumpulan... setiap kumpulan tu akan tengok galeri yang kita buat, dan kita akan simpulkan. Itulah yang keluar semasa peperiksaan... dia bukan ikut buku je...” (GPI1)

GPI1 berpendapat bahawa PAK21 ini mempunyai kelebihan yang tersendiri kerana pengajaran dan pembelajaran bukan semata-mata bersandarkan kepada buku sahaja tetapi memerlukan kepada kemahiran berfikir.

“Bagus jugak lah PAK21 tu... dari segi, kita bukan mengajar, belajar tengok buku je...” (GPI1)

Pemupukan budaya berfikir ini boleh membantu pelajar untuk berfikir di luar konteks ataupun kritis berasaskan logik, melalui bukti berasaskan pembacaan mereka dan penyelidikan yang pelajar lakukan. Hasil daripada kemahiran berfikir ini, pelajar boleh mencipta idea-idea yang bernas yang boleh menyelesaikan ataupun memberikan cadangan bagi isu dan soalan yang diutarakan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016: 41).

Pelaksanaan Pendekatan Konstruktivisme di dalam Kelas

Dengan adanya Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) ini telah mewarnakan dinamik pendidikan yang mesra teknologi, yang mana terdapat kaedah yang pelbagai dan memenuhi keperluan terkini. Data menunjukkan bahawa pengaplikasian kaedah pengajaran yang aktif menurut PAK21 bagi GPI1 tertakluk kepada jumlah pelajar. Sekiranya bilangan pelajar ramai, GPI1 mendedahkan bahawa beliau tidak mampu untuk mengaplikasikan kaedah yang aktif kerana berhadapan dengan masalah untuk mengawal kelas. Walau bagaimanapun, beliau menjelaskan ada mencuba alternatif konstruktivisme yang lain, iaitu dengan menggunakan kaedah yang berkumpulan dalam jumlah yang besar.

“Kalau bilangan yang ramai... saya minta pelajar menghasilkan peta i-think, buat aktiviti gallery walk... boleh digunakan di surau, tiada masalah... tampal di dinding...” (GPI1)

Terdapat beberapa perbincangan menyatakan bahawa tiada hubungan yang signifikan mengenai kelas berjumlah ramai dengan prestasi pelajar, dan ada juga perbincangan di mana kelas berjumlah kecil lebih berpotensi untuk berjaya berbanding sebaliknya (Hancock, 1996; Kennedy & Siegfried, 1997; Gibbs, Lucas & Simonite, 1996; Borden & Burton, 1999; Arias & Walker, 2004; Carpenter, 2006). Akan tetapi, dengan menggunakan kaedah yang melibatkan pelajar secara aktif seperti aktiviti penyelesaian masalah dan pembelajaran secara berkumpulan boleh meningkatkan penyertaan pelajar dan juga prestasi pembelajaran (Carpenter, 2006; Perkins & Saris, 2001; Yoder & Hochevar, 2005).

Hal ini berbeza dengan pendapat GPI2, yang mana beliau lebih terarah kepada pendekatan tradisional dalam menyampaikan ilmu pengetahuan di dalam kelas di Brunei Darussalam. Beliau mengakui bahawa beliau cuba untuk menggunakan pendekatan konstruktivisme secara menyeluruh di dalam kelas, akan tetapi beliau berpendapat aktiviti yang dilakukan tidak begitu berkesan. Ini disebabkan kerana beliau merasakan pelajar agak sukar untuk memahami arahan-arahan yang diberikan, dan sukatan pengajaran tidak dapat dihabiskan dalam masa yang ditetapkan. Melalui pengamatan guru ini, pendedahan sesuatu yang baru kepada pelajar menjadikan pelajar lebih pasif dan kemudian menyukarkan pelaksanaan pengajaran menggunakan pendekatan konstruktivisme.

“Ada membuat dalam kelas, tapi inda (tidak) berapa berkesan perasaan ku (saya), inda (tidak) tau lah aku (saya) inda (tidak) pandai kab (nak) tu manage time nya... macam inda (tidak) siuk (seronok) lah, siuk (seronok) lagi traditional... chalk and talk...” (GPI2)

“Macam bagi dorang (mereka) something new atu (itu) lagi tah (lah) payah (susah)...” (GPI2)

Menurut GPI2, beliau hanya menggunakan pendekatan yang memerlukan pelajar aktif dalam beberapa aktiviti pengajaran dan pembelajaran ataupun semasa set induksi. Pelajar lebih menerimanya dengan baik berbanding menggunakan perkataan ini sepanjang pengajaran dan pembelajaran.

“Students suka... kalau sekajap-sekajap ok... kalau (sepanjang) pengajaran payah... awal-awal saja...” (GPI2)

GPI2 menjelaskan bahawa beliau juga turut menggunakan beberapa strategi yang diambil daripada PAK21 yang diperkenalkan di Malaysia walaupun ia masih belum didedahkan di Brunei Darussalam. Sebagai contoh, GPI2 telah menggunakan teknik ‘*rocket writing*’ dan ‘*question builder*’. Kedua-dua teknik ini merupakan sebahagian daripada kaedah pengajaran di bawah pendekatan berpusatkan pelajar, yang disuntik dalam kaedah menyoyal semasa set induksi dan aktiviti (Abdul Mutalib, 2017).

PAK21 ini merupakan satu gagasan pembelajaran berpusatkan pelajar untuk memenuhi elemen abad ke-21 yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Guru beranggapan bahawa konsep pembelajaran abad ke-21 ini merupakan pembelajaran yang menggunakan teknologi semata-mata. Sebaliknya, ia mengaplikasikan kepelbagaian strategi, kaedah, teknik dan metod yang memerlukan pelajar untuk lebih bersifat aktif di dalam kelas, selain bekerjasama dengan rakan sekelas yang lain (Abdul Mutalib, 2017). Di antara strategi yang digunakan di dalam PAK21 ialah ‘*classification*’, ‘*brainstorming*’, ‘*table cloth*’, ‘*think-pair-share*’ dan bermacam-macam lagi.

Cabaran dari Sudut Pelajar

Pelajar yang pasif merupakan cabaran terbesar kepada setiap guru. Kajian literatur menunjukkan bahawa ada dua bentuk tingkah laku pelajar di dalam kelas iaitu boleh berubah dari pasif kepada aktif, atau sebaliknya. Mereka mungkin hanya duduk diam, mengambil nota, mendengar, melakukan sesuatu yang lain, atau mungkin bertanya soalan, memberi pendapat, atau menjawab soalan yang dikemukakan (Mohd Yusof *et al*, 2011; Hussein, 2010; Bas, 2010). Lazimnya, respon pelajar di dalam kelas berlaku secara spontan dan ada sesetengah memerlukan paksaan atau provokasi daripada guru untuk menjawab soalan yang diutarakan (Abdullah, Abu Bakar & Mahbob, 2012; Sayadi, 2007). Walau bagaimanapun, stereotaip pelajar Asia, termasuk Malaysia dan Brunei Darussalam dianggap sebagai pelajar yang pasif dan pendengar yang taat (Tuyét, 2013; Littlewood, 2000).

GPI2 berkongsi pengalaman beliau sebagai guru Pendidikan Islam di Brunei Darussalam yang mendapati bahawa pelajar di Brunei Darussalam agak pasif berbanding dengan pelajar di negara-negara lain. Beliau meluahkan rasa hampa dengan tingkah laku pelajar yang malu untuk bersuara, sedangkan aktiviti yang dilakukan adalah bertujuan mendedahkan pelajar dengan pendekatan berpusatkan pelajar. Akan tetapi kaedah tersebut tidak berkesan dan hanya mengganggu perjalanan silibus yang terbantut disebabkan pendedahan terhadap pendekatan berpusatkan pelajar yang tidak disokong sewajarnya oleh para pelajar.

“Dorang (mereka) bukan mau (tak nak) bercakap macam (seperti) orang luar negeri yang petah bercakap... aktiviti untuk pembentangan lagi... hmmm jangantah (tak payah lah), buang masa sabaja. Sipun (walaupun) kelas pandai tu, suara tu mahal...” (GPI2)

Berbeza dengan pengalaman GPI1 di Malaysia, beliau menegaskan bahawa faktor utama yang menghalang usahanya untuk mengaplikasikan sepenuhnya pendekatan pemusatan pelajar adalah disebabkan tiada minat dan motivasi pelajar untuk mempelajari subjek Pendidikan Islam. Beliau pernah ditempatkan di sekolah yang majoriti pelajarnya bukan beragama Islam. Implikasinya, beliau terpaksa berhadapan dengan pelajar yang tidak berminat untuk mempelajari subjek Pendidikan Islam. Situasi menjadi semakin teruk apabila pelajar-pelajar tersebut kurang mendapat sokongan dan dorongan daripada keluarga dan persekitaran.

“Sebab pelajar pun tak semua minat Pendidikan Islam... mungkin dari segi latar belakang dia membuatkan pelajar-pelajar tu macam tu, masalah keluarga...” (GPI1)

Ini bersesuaian dengan dapatan kajian lepas yang menyatakan bahawa pelajar kurang berminat untuk mempelajari Pendidikan Islam disebabkan ibu bapa mereka tidak mengamalkan hidup bersyariah dan kurang pendedahan ajaran Islam di rumah (Abd Razak, 2005; Mohd Zin, 1995; Mustafa & Salim, 2012). Sepatutnya ibu bapa yang menjadi guru pertama memperkenalkan ajaran Islam kepada anak-anak semenjak mereka masih kecil. Ini terbukti dalam kajian Tamuri (2007) yang menunjukkan bahawa pelajar yang dididik dengan ajaran Islam di rumah mempunyai respon yang positif semasa berada di dalam kelas.

Selain daripada ketiadaan minat dan motivasi, akhlak pelajar juga menjadi cabaran kepada GPI1. Beliau mendedahkan bagaimana beliau terpaksa menggunakan pendekatan secara berhikmah seperti yang dianjurkan dalam kaunseling Pendidikan Islam. Elemen pemusatan pelajar yang menekankan perbezaan individu didapati sangat membantu beliau dalam berhadapan dengan pelajar-pelajar, sama ada sewaktu di dalam kelas atau di luar. Beliau meluahkan rasa beruntung kerana pernah mempelajari teknik-teknik kaunseling semasa mengikuti latihan perguruan di universiti.

Lazimnya, kandungan yang terdapat dalam kursus kaunseling dalam pendidikan berdasarkan kepada teori Carl Rogers yang berpusatkan manusia dan mempunyai 5 elemen utama iaitu empati, keserasian, bersikap positif terhadap klien, mendengar secara aktif dan memberi dorongan (Doikou & Diamandidou, 2011). Oleh itu, dengan adanya elemen-elemen tersebut, guru dan pelajar boleh mempunyai hubungan yang baik dan saling hormat-menghormati (Rogers & Freiberg, 1994).

Kesimpulan

Sistem kurikulum yang baharu digubal semestinya mempunyai pro dan kontra yang tersendiri. Ia adalah salah satu usaha kerajaan untuk memberikan kualiti pendidikan yang terulung bagi kemaslahatan masyarakatnya. Sistem pendidikan dan guru saling berkait rapat antara satu dengan yang lain. Sistem pendidikan sebagai kapal dan gurulah menjadi jentera yang menjalankan kapal tersebut. Namun begitu, jelas kelihatan daripada dapatan awal ini menunjukkan guru kurang memahami pendekatan konstruktivisme seperti yang dikehendaki oleh pihak kementerian masing-masing. Implikasinya kejayaan penerapan pendekatan konstruktivisme bagi kedua-dua sistem pendidikan ini kelihatan masih samar-samar, kerana guru masih kurang mengimplementasikan pendekatan konstruktivisme semasa pengajaran dan pembelajaran. Walaupun begitu, mungkin hal ini dilihat dapat diatasi melalui beberapa pembaharuan dan penambahbaikan. Sebagai contoh, reka bentuk kurikulum bagi insitansi pengajian tinggi yang menawarkan program latihan perguruan perlu menyediakan guru yang lebih kompeten dalam pengetahuan pedagogi yang terkini dan praktikal yang mapan.

Penghargaan

Penyelidik ingin mengucapkan terima kasih kepada Institut Pengurusan dan Pemantauan Penyelidikan, Universiti Malaya kerana telah menyokong penyelidikan ini. Artikel ini merupakan hasil daripada penyelidikan yang dibiayai oleh geran penyelidikan UMRG (RP029B-16HNE) dan UMRG (RP014A-13HNE).

References

- Abd Razak, S. R. (2005). *The Challenges faced by Islamic Education Teacher in the Development of Students' Character*. Unpublished Master's Thesis. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.
- Abdul Mutalib, N. (2017). *Pembelajaran Abad 21: Bukan Sekadar Susun Kerusi dan Meja*. Percetakan Perlis (1990) Sdn. Bhd.
- Abdullah, M. Y., Abu Bakar, N. R., & Mahbob, M. H. (2012). Student's Participation in Classroom: What Motivates Them to Speak Up? *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 51, 516-522.
- Abu Bakar, N., Hamzah, M. I., & Tamuri, A. H. (2015). Perubahan Pentaksiran dalam SPN21 di Negara Brunei Darussalam (*Assessment changes in SPN21 in Brunei Darussalam*). *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 1(1), 31-40.
- Arias, J., & Walker, D. (2004). Additional Evidence on the Relationship between Class Size and Student Performance. *Journal of Economic Education*, 4(3), 311-329.
- Bas, G. (2010). The Effects of Multiple Intelligences Instruction Strategy on Students' Achievement Levels and Attitudes towards English Lesson. *Cypriot Journal of Educational Sciences*, 5(3).
- Borden, V., & Burton, K. (1999). *The Impact of Class Size on Student Performance in Introductory Courses*. Paper presented at the 39th Annual Conference of the Association for Institutional Research, Seattle, WA.
- Burns, N., & Grove, S. K. (2003). *Understanding Nursing Research*. 3rd Ed. Saunders Company.
- Carpenter, J. M. (2006). Effective Teaching Methods for Large Classes. *Journal of Family & Consumer Sciences Education*, 24(2), 13-23.
- Chee, M. F. (2006). The Historical Evolution of Madrasah Education in Singapore. In Noor Aisha, A. R., & Lai, A. E. (Eds.), *Secularism and Spirituality: Seeking Integrated Knowledge and Success in Madrasah Education in Singapore* (6-28). Marshall Cavendish.
- Dagar, V., & Yadav, A. (2016). Constructivism: A Paradigm for Teaching and Learning. *Arts Social Sciences Journal*, 7(4).
- Doikou, M., & Diamandidou, K. (2011). Enhancing Teachers' Counselling Skills: Student Teachers' Views on a Teachers' Education Programme. *European Journal of Teacher Education*, 34(1), 61-79.
- Field, P. A., & Morse, J. M. (1996). *Nursing Research: The Application of Qualitative Approaches*. Chapman and Hall.
- Ghafar, M. J., Hamdan, A. R., Sihes, A. J., & Harun, A. (2011). Integrated Curriculum Concepts in Malaysia: Knowledge and Application Differentiation. *European Journal of Social Sciences*, 19(2), 208-217.
- Gibbs, G., Lucas, L., & Simonite, V. (1996). Class Size and Student Performance: 1984-94. *Studies in Higher Education*, 21(3), 261-273.
- Gilakjani, A. P., Lai, M. L., & Ismail, H. N. (2013). Teachers' Use of Technology and Constructivism. *IJMECS*, 5(4), 49-63.
- Hancock, D., Bray, M., & Nason, S. (2002). Influencing University Students' Achievement and Motivation in a Technology Course. *Journal of Educational Research*, 95(6), 365-372.
- Hancock, T. (1996). Effects of Class Size on College Student Achievement. *College Student Journal*, 30(2), 479-481.
- Hannafin, M. J., Hill, J. R., Land, S. M., & Lee, E. (2014). Student-centered, Open Learning Environments: Research, Theory and Practice. In Spector, M., Merrill, M. D., Van Merriënboer,

- J., & Driscoll, M. P. (Eds.), *Handbook of Research on Educational Communications and Technology*. Springer.
- Hashim, R. (2007). Intellectualism in Higher Islamic Traditional Studies: Implications for the Curriculum. *The American Journal of Islamic Social Sciences*, 24(3), 92-115.
- Holzer, S. (1994). From Constructivism to Active Learning. *The Innovator*, 2.
- Hussein, G. (2010). The Attitudes of Undergraduate Students towards Motivation and Technology in a Foreign Language Classroom. *International Journal of Learning and Teaching*, 2(2), 14-24.
- International Society for Technology in Education (ISTE). (2015). *ISTE Standards for Students*. Retrieved from <http://www.iste.org/standards/standards-for-students>
- Ismail, H. (2000). *Teachers' Understanding of the Concept of Holistic Education in the Integrated Secondary School Curriculum (KBSM) in Malaysia*. Unpublished PhD Thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Brunei Darussalam (n.d.). *Kerangka dan Panduan bagi Kurikulum dan Penilaian Pengetahuan Ugama Islam (Framework and Guidelines for Curriculum and Assessment Islamic Religious Knowledge)*. Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPBD.
- _____ (2004). *Pencapaian dan Penilaian 20 Tahun Pendidikan 1984-2003 dan Perancangan 20 Tahun akan datang 2004-2024 (Achievement and Assessment in Education in 20 Years 1984-2003 and Planning for the Next 20 Years 2004-2024)*. Kementerian Pendidikan Brunei Darussalam.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2016). *Buku Penerangan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (Manual Book of Secondary School Standard Curriculum)*. Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM.
- Kennedy, P., & Siegfried, J. (1997). Class Size and Achievement in Introductory Economics: Evidence from the TUCE III Data. *Economics of Education Review*, 16(4), 385-394.
- Khatib, M., Sarem, S. S., & Hamidi, H. (2013). Humanistic Education: Concerns, Implications and Applications. *Journal of Language Teaching and Research*, 4(1), 45-51.
- Lasiun, M. (2016). Keberkesanan Kaedah Visualisasi: Meningkatkan Keupayaan Menyelesaikan Masalah Matematik Berayat (*The effectiveness of Visualization Methods: Improving Problem Solving Ability mathematical word*). *Proceedings of the ICECRS*, 1(1).
- Lee, E., & Hannafin, M. J. (2016). A Design Framework for Enhancing Engagement in Student-centered Learning: Own It, Learn It, and Share It. *Education Tech Research Dev*, 64, 707-734.
- Littlewood, W. (2000). Do Asian Students really want to Listen and Obey? *ELT Journal*, 54(1), 31-36.
- Lubis, M. A., & Aspar, R. (2005). Kaedah Pengajaran Pengetahuan Agama Islam di Brunei Darussalam (*Islamic Religious Knowledge Teaching Methodology in Brunei Darussalam*). *Jurnal Pendidikan*, 30, 141-150.
- Ministry of Education Brunei Darussalam. (2013). *The National Education System for the 21st Century (SPN21)*. Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPBD.
- Ministry of Education Malaysia (2012). *Malaysia Education Blueprint 2013-2025*. Ministry of Education.
- Mohd Ramlee, R. D. Y. (2009). *Aplikasi Pembelajaran Aktif untuk Mata Pelajaran Syariah bagi Peringkat Pra U, Negara Brunei Darussalam (Active Learning Applications in Syariah for Pre-University Level, Negara Brunei Darussalam)*. Unpublished Master's Thesis, Universiti Brunei Darussalam, Brunei Darussalam.
- Mohd Yusof et al (2011). *The Dynamics of Student Participation in Classroom: Observation on Level and Forms of Participation*. Paper presented at Learning and Teaching Congress of UKM, 18th-20th. December, Penang, Malaysia.
- Mohd Zin, A. A. (1995). Masalah Matapelajaran Pendidikan Islam di Sekolah-sekolah Menengah Kerajaan di Kuala Lumpur (*Problems on Islamic Education Subject in Government Secondary Schools in Kuala Lumpur*). *Jurnal Pendidikan Islam (Islamic Education Journal)*, 7(2).
- Mustafa, Z., & Salim, H. (2012). Factors Affecting Students' Interest in Learning Islamic Education. *Journal of Education and Practice*, 3(13), 81-86.
- Othman, M. S., & Kassim, A. Y. (2017). Teaching Practice of Islamic Education Teachers Based on Higher Order Thinking Skills (HOTS) in Primary School in Malaysia: An Overview of the Beginning. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(3), 401-415.
- Pejabat Pendidikan Daerah Muar (2015). *Garis Panduan Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21 (Guidelines for Implementing PAK21)*. Pejabat Pendidikan Daerah Muar.

- Perkins, D., & Saris, N. (2001). A Jigsaw Classroom Technique for Undergraduate Statistics Courses. *Teaching of Psychology, 28*(2), 111-113.
- Rogers, C., & Freiberg, H. J. (Eds.) (1994). *Freedom to Learn* (3rd Ed.). Merrill Publishing Company.
- Sayadi, Z. A. (2007). *An Investigation into First Year Engineering Students' Oral Classroom Participation: A Case Study*. Unpublished Degree Dissertation. Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia.
- Sulaiman, W. M., & Pg Hashim, D. N. (2011). Aplikasi Kemahiran Berfikir dalam Pengajaran Pengetahuan Ugama Islam (*Thinking Skills Applications in Teaching Islamic Religious Knowledge*). *Journal of Applied Research in Education, 15*(1-2), 43-58.
- Tamuri, A. H. (2007). Islamic Education Teachers' Perceptions of Teaching Akhlaq in Malaysian Secondary Schools. *Journal of Moral Education, 36*(3), 371-386.
- Tan, C., & Abbas, D. (2009). The 'Teach Less, Learn More' Initiative in Singapore: New Pedagogies for Islamic Religious Schools? *KEDI Journal of Educational Policy, 6*(1), 25-39.
- Tuyết, T. T. (2013). The Causes of Passiveness in Learning of Vietnamese Students. *VNU Journal of Education Research, 29*(2), 72-84.
- Yin, R. K. (2011). *Qualitative Research from Start to Finish*. The Guilford Press.
- Yoder, J. & Hochevar, C. (2005). Encouraging Active Learning Can Improve Students' Performance on Examinations. *Teaching of Psychology, 32*(2), 91-95.
- Zakaria, G. A. N., Mahalle, S., Pg Hashim, D. K., & Mohd Nawi, M. A. (2014). Increasing Student Mastery and Achievement in Islamic Education Through Game Techniques, Memory Aid 'The Link' and Mind Maps. *Research Journal of Applied Sciences, Engineering and Technology, 7*(15), 3203-3208.
- Zakaria, R. (2008). *Indonesian Islamic Education: A Social, Historical and Political Perspective*. VDM Verlag Dr. Muller.